0832

U 0066 DEB

MAHATHIR - DIALOG

86

TAMPIN, 10 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA KINI BERTAMBAH KUKUH, EKORAN KEBERKESANAN DASAR-DASAR YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN.

+KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA KINI LEBIH BAIK DARIPADA DAHULU, SEHINGGA ADA BANK-BANK MENAWARKAN PINJAMAN KEPADA NEGARA BERBANDING DENGAN MASA LEPAS,+ KATA BELIAU KETIKA BERUCAP KEPADA PARA PEGAWAI KERAJAAN DAN PEMIMPIN PARTI DI NEGERI INI PADA MAJLIS DIALOG KHAS DI DEWAN MAJLIS PERBANDARAN DI SINI.

BELIAU BERKATA INI DISEBABKAN KEBERKESANAN LANGKAH YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN DENGAN MENGUTAMAKAN JIMAT CERMAT SEPERTI DASAR PENSWASTAAN YANG TELAH MEMBERIKAN KESAN POSITIF KEPADA KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEADAAN ITU BERBEZA DENGAN KEADAAN PADA TAHUN 1983 APABILA NEGARA MENANGGUNG HUTANG SEHINGGA $50,000 JUTA, IAITU SATU TAHAP YANG MENYEBABKAN BANK DUNIA MEMBERI AMARAN SUPAYA BERJAGA-JAGA, KERANA JIKA TIDAK, NEGARA AKAN BANKRAP.

WALAUPUN DASAR-DASAR YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN ITU BERJAYA, MASIH ADA PIHAK YANG MENDAKWA KONONNYA DASAR ITU TIDAK MENGUNTUNGKAN NEGARA, KATA BELIAU SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA, JIKA TIDAK MENGUNTUNGKAN BERERTI SUDAH TENTU NEGARA TIDAK SEMAKIN MAJU.

-- LAGI.

1922MST 10 09 88

0734

R 0072 DEB

MAHATHIR - DIALOG 2 TAMPIN

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA OLEH KERANA KERAJAAN TIDAK MAMPU MENYEDIAKAN LEBIH BANYAK PEKERJAAN, KERAJAAN BERUSAHA MENARIK MINAT PELABUR ASING UNTUK MENUBUHKAN PERUSAHAAN DI NEGARA INI BAGI MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN.

KINI, PERTUMBUHAN PERUSAHAAN HASIL USAHA ITU TELAH BERTAMBAH DENGAN PESAT YANG SECARA LANGSUNG DAPAT MEMBANTU MENGATASI MASALAH PENGANGGURAN, KATA BELIAU.

JIKA DIBANDINGKAN DENGAN SEPARUH MASA PERTAMA TAHUN LEPAS DENGAN TAHUN INI, JUMLAH SYARIKAT YANG MELABUR DI NEGARA INI TELAH MENINGKAT SEHINGGA 800 PERATUS, TEGASNYA.

BELIAU JUGA MENYENTUH MENGENAI KEADILAN DALAM SISTEM PENERINTAHAN NEGARA SAMBIL BERKATA TERDAPAT KIRA-KIRA 300,000 KES SIVIL DAN JENAYAH YANG BELUM DIBICARAKAN KERANA TERTANGGUH EKORAN PENUMPUAN PADA KES-KES LAIN.

PERDANA MENTERI YANG BERADA DI SINI KERANA MERASMIKAN GERAKAN SETIA BERSAMA RAKYAT PERINGKAT NEGERI INI BERKATA, DI SAMPING ITU TERDAPAT KIRA-KIRA 3,000 ORANG YANG MENUNGGU PERBICARAAN DITAHAN DALAM PENJARA.

BELIAU YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA TAHANAN BERKENAAN PERLU DIBICARAKAN SEGERA KERANA, JIKA SELEPAS SEKIAN LAMA DITAHAN DAN KEMUDIAN DIBICARAKAN DAN DIDAPATI TIDAK BERSALAH, AKAN BERLAKULAH KETIDAKADILAN. -- LAGI

2149MST 10 09 88

0737

R 0073 DEB

MAHATHIR - DIALOG 3 TAMPIN

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN AKAN MEMENUHI TUNTUTAN KENAIKAN GAJI KAKITANGAN AWAM, JIKA PENDAPATAN NEGARA BERTAMBAH BAIK.

DALAM SESSI DIALOG KEMUDIANNYA, PERDANA MENTERI BERKATA, PERBINCANGAN AKAN DIADAKAN DENGAN MENTERI PENDIDIKAN ENCIK ANWAR IBRAHIM, SAMA ADA WAJAR DIMANSUHKAN LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH (LPS) DI SEKOLAH-SEKOLAH DI NEGARA INI MEMANDANGKAN TELAH ADA PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU (PIBG).

BELIAU JUGA BERKATA, KERAJAAN BELUM BERHASRAT MENGADAKAN SUATU DASAR YANG KERAS UNTUK MENUTUP SEKOLAH-SEKOLAH YANG TERLALU KURANG BILANGAN PELAJARNYA, KERANA KERAJAAN PERLU MENGAMBIL KIRA PERASAAN DAN SUARA RAKYAT DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA KERAJAAN SEDANG MENGKAJI LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMBANTU KAKITANGAN KERAJAAN MENDAPAT PENDAPATAN YANG LEBIH BAIK DAN BERHARAP KAJIAN ITU AKAN MEMBERI KEPUTUSAN YANG MENGGALAKKAN.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI BERSAMA-SAMA BEBERAPA KENAMAAN LAIN TERMASUK MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID, KETUA MENTERI MELAKA DATUK SERI RAHIM TAMBY CHIK DAN MENTERI BESAR PAHANG DATUK SERI KHALIL YAAKOB, MENGHADIRI JAMUAN TENGAH HARI SEMPENA SEMARAK DI PUSAT SERENTI TAMPIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR TIBA DI PUSAT SERENTI ITU DENGAN MENAIKI BAS +ISTIMEWA+ SYARIKAT KENDERAAN SEREMBAN DARI TAPAK PELANCARAN SEMARAK DI MINI KOMPLEKS SUKAN AIR KUNING SELATAN KIRA-KIRA 45 KM DARI SINI. -- BERNAMA

2156MST 10 09 88